

## BAB 3

### KONSEP *MAQASID SYARIAH* DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENSYARIATAN ZAKAT PERNIAGAAN

#### 3.1 Pendahuluan

Bidang berkaitan *Maqasid Syariah* akan sentiasa mempunyai tarikan untuk dikaji oleh *ulama'* klasik mahupun kontemporari. Oleh itu perbahasan berkenaan *Maqasid Syariah* akan berterusan dan tidak akan berhenti. Ini kerana, agama Islam boleh memantau dan menyumbang lebih kepada perkembangan zaman seperti mana istilah yang sering kita dengar iaitu Islam adalah agama yang *shalihun likulli Zamanin Makanin*. Ini bermakna, agama Islam adalah ajaran yang sentiasa relevan dengan zamannya, mampu mengkontekstualisasikan dirinya dalam ruang lingkup yang melingkarinya dan mampu memberikan penyelesaian kepada sebarang masalah yang timbul dan berlaku pada setiap masa dan keadaan. Konsep *Maqasid Syariah* pula merupakan prinsip yang perlu dipatuhi agar agama Islam mampu dilaksanakan. Sudah tentunya pemahaman terhadap konsep *Maqasid Syariah* yang terperinci, menyeluruh dan holistik adalah suatu keperluan kerana ia adalah pemahaman separa tentang apa dan bagaimana konsep *Maqasid Syariah* hanya akan meninggalkan agama di ambang ketinggalan dan terasing daripada zaman dan penganutnya. Oleh itu, dalam bab ini, pengkaji akan memperjelaskan tentang konsep *Maqasid Syariah*, konsep zakat perniagaan serta hubungan *Maqasid Syariah* dengan zakat perniagaan.

## 3.2 Konsep *Maqasid Syariah*

### 3.2.1 Definisi dan Dasar *Maqasid Syariah*

Al-Quran merupakan kitab suci bagi seluruh umat Islam dan berperanan sebagai sumber utama dalam kehidupan seharian manusia. Sudah pastinya, ia mengandungi pelbagai jenis ajaran yang mengatur kehidupan umat Islam itu sendiri. Para *ulama'* telah membahagikan kandungan Al-Quran kepada tiga bahagian utama iaitu *akidah*, *khuluqiyyah*, dan *'amaliyah* (Abdul Wahhab Khalaf, 1987). Perbincangan akidah adalah berkaitan dengan asas-asas akidah umat Islam. *Khuluqiyyah* pula adalah berkaitan dengan etika atau akhlak, manakala *'amaliyah* adalah berkaitan dengan aspek hukum yang timbul dari ungkapan (*aqwal*) dan perbuatan (*af'al*) manusia.

Bahagian ketiga kandungan Al-Quran iaitu *'amaliyah*, terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu dari aspek ibadah dan *mu'amalah*. Pada bahagian pertama iaitu ibadah, ia mengandungi peraturan mengenai pola hubungan manusia dengan pencipta, manakala pada bahagian kedua iaitu *mu'amalah*, ia mengandungi peraturan mengenai urusan muamalah sesama manusia.

Sungguhpun begitu, Al-Quran tidak memuatkan susunan secara terperinci berkenaan ibadah dan *mu'amalah*. Daripada 6360 ayat Al-Quran, hanya 368 ayat sahaja yang menyentuh berkaitan aspek hukum (Harun Nasution, 1984). Ini menunjukkan bahawa, kebanyakan persoalan hukum hakam dalam agama Islam hanya dinyatakan prinsip secara umum sahaja di dalam Al-Quran. Oleh itu, Nabi Muhammad SAW juga turut menggariskan penjelasan melalui hadis-hadisnya.

Berdasarkan kepada kedua-dua sumber utama ini iaitu Al-Quran dan Hadis, maka aspek hukum khususnya dalam bidang *mu'amalah* dikembangkan oleh para *ulama'* termasuk al-Syatibi yang berusaha untuk mengembangkan prinsip-prinsip yang

terkandung dalam kedua-duanya dengan mengaitkannya dengan *Maqasid Syariah*. Melalui pendekatan *Maqasid Syariah* ini, kajian yang dijalankan lebih tertumpu kepada nilai-nilai yang memberi fokus kepada kemaslahatan manusia dalam setiap *taklif* yang diturunkan oleh Allah SWT.

*Maqasid Syariah* terdiri daripada dua perkataan iaitu *maqasid* dan *syariah*. Perkataan *Maqasid* berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud disengajakan atau bertujuan (Hans Wehr, 1979). Manakala perkataan *syariah* pula bermaksud *المواضع تحدر الماء* yang membawa maksud; jalan menuju sumber air (Jalaluddin Muhammad, 1994). Jalan menuju sumber air juga boleh dikatakan sebagai jalan menuju sumber utama kehidupan, sedangkan pengertian *syariah* dari segi istilah (terminologi) akan dijelaskan secara berasingan iaitu dari aspek pengertian *maqasid*, yang terdapat dalam literatur hukum Islam dan pandangan para ulama berkaitan *Maqasid Syariah*.

Syariat ialah *al-nusus al-muqaddasah* (nas-nas suci) *mutawatir* al-Qur'an dan al-Sunnah yang tidak dilawan oleh pemikiran manusia. Dalam bentuk ini, syariah dinamakan *al-thariqah al-mustaqimah* (jalan, ajaran yang lurus), kerana kandungan syari'ah dalam pengertian ini meliputi *aqidah*, *'amaliyyah* dan *khuluqiyyah* (Asafri Jaya Bakri, 1996). Ini bersesuaian dengan apa yang dimaksudkan dengan firman Allah SWT iaitu di dalam surah al-Jathiyah [45] ayat 18 yang berbunyi:

﴿ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: “Kemudian Kami jadikan kamu di atas syari’at (peraturan) dari perkara (agama) itu, maka ikutilah syari’at itu”.

Surah al-Syura [42] ayat 13 menyebut:

﴿شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ

وَمُوسَى وَعِيسَى أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ﴾

Maksudnya: “Dia telah mensyariatkan kepada kamu agama apa yang telah diwasiatkan-Nya kepada Nuh dan apa yang telah Kami wahyukan kepada kamu dan apa yang telah Kami amanahkan kepada Ibrahim, Musa dan Isa, iaitu: tegakkanlah agama dan janganlah kamu berpecah belah tentangnya”.

Seiring peredaran zaman, berlaku pengurangan dari segi pengertian syariat seperti perbahasan aqidah tidak termasuk dalam pengertian syariat. Menurut Mahmoud Syaltut (1966) syariah adalah peraturan yang diciptakan oleh Allah untuk dijadikan sebagai pedoman bagi manusia untuk mengatur hubungan dengan Allah, manusia sama ada Muslim atau bukan Muslim, alam dan seluruh kehidupan (Mahmud Syaltut, 1966). Ali as-Sayis (1970) juga mengatakan bahawa, syariat ialah hukum yang diberikan oleh Allah kepada hamba-hamba-Nya supaya mereka lebih beriman dan mengamalkannya untuk kepentingan mereka di dunia dan akhirat.

Jika diteliti makna syariah dari segi bahasa di atas, dapat dikatakan bahawa terdapat hubungan antara kandungan makna antara syariah dan air dalam arti keterkaitannya antara cara dan tujuan. Sesuatu yang ingin dituju adalah sesuatu yang sangat penting. Syariah adalah cara atau jalan sedangkan air adalah sesuatu yang dituju. Perkaitan syariah dengan air dalam pengertian bahasa ini dilihat bertujuan untuk menekankan kepentingan syariat dalam mendapatkan sesuatu yang penting yang

dilambangkan dengan air. Perumpamaan ini dilihat sangat sesuai kerana air merupakan elemen penting dalam kehidupan. Kepentingan unsur air ditegaskan oleh Allah dalam Surah al-Anbiya' [21] ayat 30:

﴿وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ﴾

Maksudnya: "Dan dari air Kami jadikan segala yang hidup".

Pemahaman terhadap bahasa yang disebutkan di atas telah mendorong para *ulama'* memberikan batasan syariah dalam pengertian istilah dengan menyebutkan secara langsung tujuan sesuatu pensyariaan secara umum. Kenyataan ini jelas ditunjukkan dalam rumusan yang telah dinyatakan oleh Mahmoud Syaltut dan Sayis di atas iaitu; pada dasarnya syariah adalah sebuah hukum Allah yang diberikan kepada manusia untuk mendapatkan kebahagiaan hidup di dunia mahupun di akhirat. Pemahaman sebegini secara tidak langsung mengandungi kandungan *Maqasid al-Syariah*.

Istilah *Maqasid al-Syariah* digunakan dalam pelbagai istilah, antaranya *al-Maqasid al-Syar'iyyah fi al-Syari'ah*, dan *Maqasid min Syar'i al-Hukm*. Walaupun istilah yang digunakan oleh para ulama berbeza, ia mempunyai makna yang sama, iaitu tujuan sesuatu hukum diturunkan oleh Allah SWT.

Menurut al-Syatibi, sesungguhnya syariat itu bertujuan untuk mewujudkan *kemaslahatan* manusia di dunia dan di akhirat. Selain itu, beliau juga turut menyatakan bahawa hukum-hukum itu ditetapkan bagi kemaslahatan hambaNya (Abu Ishaq Ibrahim, 1995). Apabila diteliti dengan lebih lanjut daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh al-Syatibi, boleh dikatakan bahawa kandungan *Maqasid al-Syariah*

adalah untuk menjaga kemaslahatan umat manusia. Pandangan Al-Syatibi menunjukkan bahawa, suatu kewajipan (*taklif*) diwujudkan bagi merealisasikan *kemaslahatan* hamba dan tidak ada satupun hukum Allah SWT yang tidak mempunyai tujuan. Ini kerana, setiap hukum yang diturunkan mempunyai tujuannya tersendiri sehinggakan sekiranya sesuatu hukum itu tidak ada tujuannya, ia adalah sama dengan mengenakan sesuatu yang tidak dapat dilaksanakan (*taklif ma la yutaq*).

Oleh itu, jelaslah bahawa sebenarnya undang-undang bukan dibuat untuk undang-undang itu sendiri, tetapi dirangka untuk tujuan lain, iaitu menjaga kebajikan manusia. Dalam hal ini, Muhammad Abu Zahrah menegaskan bahawa pada dasarnya matlamat syariat Islam ialah kebajikan tidak ada satupun hukum yang disyariatkan oleh Allah, baik yang terkandung di dalam Al-Quran dan as-Sunnah, melainkan di dalamnya terdapat faedah (Muhammad Abu Zahrah, 1958).

Selain itu, melalui analisis *Maqasid al-Syariah*, masalah bukan sahaja dilihat dari segi teknikal, tetapi dalam dimensi dan perkembangan undang-undang yang disyariatkan oleh Allah SWT kepada manusia juga dapat dilihat sebagai sesuatu yang mengandungi nilai falsafah.

Penekanan terhadap *Maqasid al-Syariah* oleh al-Syatibi sebagai contoh bermula daripada kandungan ayat Al-Quran yang menunjukkan bahawa syariat Allah mengandungi kebaikan. Firman Allah dalam surah an-Nisa' [4] ayat 165:

﴿رُسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى اللَّهِ حُجَّةٌ بَعْدَ الرُّسُلِ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا

حَكِيمًا﴾

Maksudnya: “(Kami utus mereka) sebagai rasul-rasul pembawa berita gembira dan pemberi peringatan supaya tidak ada alasan bagi manusia untuk membantah Allah sesudah diutuskan rasul-rasul itu”.

Selain itu, dalam surah al-Anbiya' [21] ayat 107 juga, Allah SWT menegaskan bahawa:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ﴾

Maksudnya: “Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam”.

Seterusnya, berkaitan dengan penciptaan, Allah SWT berfirman dalam surah Hud [11] ayat 7:

﴿وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ فِيْ سِتَّةِ اَيَّامٍ وَكَانَ عَرْشُهُۥ عَلٰى الْمَآءِ لِيَّبْلُوْكُمْ اَيُّكُمْ

اَحْسَنُ عَمَلًا وَلَئِنْ قُلْتُمْ اِنَّكُمْ مَّبْعُوْثُوْنَ مِنْۢ بَعْدِ الْمَوْتِ لَيَقُوْلَنَّ الَّذِيْنَ كَفَرُوْا اِنْ هٰذَا اِلَّا

سِحْرٌ مُّبِيْنٌ﴾

Maksudnya: “Dan Dialah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, (dan Dia berada di atas air selama enam hari) , supaya Dia menguji siapa di antara kamu yang lebih baik amalannya.”

Pada ayat lain, iaitu surah al-Dzariyat [51] ayat 56 Allah berfirman:

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾

Maksudnya: “Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia supaya mereka menyembah-Ku”.

Allah SWT juga ada menyebutnya dalam surat al-Mulk [67] ayat 2. Allah SWT berfirman:

﴿الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْعَفُورُ﴾

Maksudnya: “Yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya”.

Perbahasan berkenaan permasalahan hukum hakam, terdapat banyak dalil Al-Quran yang telah membincangkannya. Antara perbahasan yang dibincangkan adalah seperti wuduk. Allah SWT berfirman di dalam Surah al-Ma'idah [5] ayat 6:

﴿مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِّنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ

لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ﴾

Maksudnya: “Allah tidak hendak menyulitkan kamu, tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmat-Nya bagi kamu, supaya kamu bersyukur”.

﴿إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya solat itu dapat mencegah dari (perbuatan) keji dan mungkar”. (QS. al-Ankabut [29]: 45). 55

Begitu juga dalam perbahasan *qisas*. Allah SWT berfirman di dalam surat al-Baqarah [2] ayat 179:

﴿وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَوةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ﴾

Maksudnya: “Dan pada qisas terdapat (terjamin kelangsungan hidup) bagi kamu, wahai orang-orang yang berakal”.

Berdasarkan ayat di atas, al-Syatibi mengatakan bahawa *Maqasid al-Syariah* dalam pengertian kemaslahatan meliputi semua aspek hukum. Ini bermakna *Maqasid al-Syariah* boleh dijadikan sebagai analisis terhadap isu-isu hukum apabila kemaslahatannya tidak didapati dengan jelas dengan melihat kepada aspek ruh *syari'ah* dan matlamat umum Islam.

Begitu juga dengan Sunnah, iaitu segala sesuatu yang diperoleh dari Nabi Muhammad SAW berupa perkataan, perbuatan dan *taqirir* (ketentuan) baginda; iaitu perkara yang tidak dijelaskan di dalam Al-Quran (Asafri Jaya Bakri, 1996). Dengan ini, as-Sunnah merupakan penjelasan (*bayan*) kepada al-Quran. Hukum-hukum yang

diambil dari al-Quran akan dirujuk dan penjelasannya dapat dicari dalam hadis terlebih dahulu berbanding sumber hukum yang lain.

Oleh itu, jelaslah bahawa intipati yang terkandung di dalam Al-Quran adalah perkara asas dan prinsip berkaitan dengan seluruh aspek kehidupan manusia. Dapat disimpulkan bahawa, *ruh syariat* di dalam ayat-ayat Al-Quran adalah berkait rapat antara satu ayat dengan ayat yang lain. Hubungkait ini juga dapat dilihat di dalam al-Quran dan as-Sunnah, di mana as-Sunnah merupakan penjelasan terhadap al-Quran. Kedua-dua sumber ajaran Islam inilah yang dijadikan sebagai dasar atau asas kepada prinsip *Maqasid al-Syariah*.

### 3.2.2 Pembahagian *Maqasid Syariah*

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapatlah difahami bahawa hakikat *Maqasid Syariah* dari segi zatnya, membawa maksud *masalahah*. *Maslahah* boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu *masalahah* dalam bentuk *haqiqi* dan *majazi*. *Maslahah* dalam bentuk *haqiqi* ialah kemaslahatan langsung dalam pengertian sebab, manakala dalam bentuk *majazi* adalah bentuk yang menjadi sebab yang membawa kepada kemaslahatan.

Menurut al-Syatibi, *masalahah* itu sendiri boleh dilihat dari dua sudut iaitu tujuan Allah (*Maqasid al-Syari'*) dan matlamat *Mukallaf* (*Maqashid al-Mukallaf*). Dimana *Maqasid al-Syariah* dalam pengertian *Maqasid al-Syari'* mengandungi empat aspek iaitu:

- a) Matlamat awal syariah ialah kebajikan manusia di dunia dan akhirat.
- b) Syariat sebagai sesuatu yang mesti difahami.
- c) Syariat sebagai hukum *taklif* yang wajib ditunaikan.

d) Matlamat syariat adalah untuk menjatuhkan manusia naungan undang-undang.

Aspek pertama adalah berkaitan dengan beban dan kandungan *Maqasid al-Syariah*. Aspek kedua pula adalah berkaitan dengan dimensi bahasa agar syariat dapat difahami dan manfaat yang terkandung di dalamnya tercapai. Aspek ketiga pula berkaitan dengan pelaksanaan ketentuan syariah bagi mencapai kemaslahatan. Ia juga berkaitan dengan keupayaan manusia untuk melaksanakannya. Aspek keempat adalah berkaitan dengan ketaatan manusia sebagai *mulatto* di bawah dan bertentangan dengan hukum Tuhan, atau aspek ini bertujuan membebaskan manusia daripada kekangan hawa nafsu (Hasbullah, 2011).

Aspek kedua, ketiga dan keempat pada asasnya menyokong aspek pertama sebagai aspek teras (Hasbullah, 2011). Aspek pertama sebagai teras dapat direalisasikan melalui pelaksanaan *taklif* atau pengenaan hukum terhadap hamba sebagai aspek ketiga. *Taklif* tidak boleh dilakukan melainkan seseorang itu mempunyai kefahaman tentang kedua-dua dimensi iaitu lafaz dan makna seperti yang dinyatakan dalam aspek kedua. Memahami dan melaksanakan *taklif* ini boleh membawa manusia di bawah perlindungan hukum Allah SWT dan bebas daripada kekangan hawa nafsu dan ia adalah termasuk dalam aspek yang keempat.

Dalam hubungan demikianlah terwujudnya tujuan penciptaan syariah iaitu terwujudnya kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat sebagai aspek inti. Sehingga dalam rangka pembahagian *Maqasid al-Syariah*, aspek pertama adalah aspek inti yang menjadi tumpuan analisis. Kerana, aspek pertama berkaitan dengan sifat penggubalan syariat oleh Allah SWT.

Pada dasarnya hakikat pelaksanaan syariah adalah untuk menjaga kemaslahatan manusia. Faedah ini dapat direalisasikan sekiranya lima elemen utama dapat direalisasikan dan dikekalkan. Lima elemen tersebut ialah:

**a) Menjaga Agama (*Hifzu al-Din*)**

Aspek yang ditekankan di bawah *Maqasid Syariah* adalah *hifzu al-din* iaitu melindungi atau memelihara agama. Ia boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu:

- 1) Menjaga agama dalam kedudukan *dharuriyyat*: menjaga dan melaksanakan kewajipan agama yang termasuk dalam peringkat rendah seperti menunaikan solat lima waktu. Jika solat diabaikan, kewujudan agama akan terancam.
- 2) Menjaga agama pada tingkat *hajiyyat*: melaksanakan ketentuan agama dengan maksud menghindari kesulitan, seperti solat berjemaah dan solat qasar bagi orang yang sedang dalam pemusafiran. Jika tuntutan ini tidak dilaksanakan, ia tidak akan mengancam kewujudan agama, tetapi hanya menyukarkan urusan harian mereka yang melakukannya.
- 3) Menjaga agama pada tingkat *tahsiniyyat*: mengikut petunjuk agama untuk menegakkan martabat manusia, serta menyempurnakan pelaksanaan kewajipan kepada Allah SWT. Sebagai contoh; menutup aurat, membersihkan badan, pakaian dan tempat. Kegiatan ini berkait rapat dengan akhlak terpuji. Sekiranya tidak dapat dilaksanakan, maka ia tidak akan mengancam kewujudan agama dan tidak menyusahkan mereka yang melakukannya. Ini bermaksud, jika tidak ada penutup untuk menutup auratnya, seseorang itu boleh melaksanakan solat. Ini kerana, tuntutan solat termasuk dalam kategori *dharuriyyat* yang mewajibkan umat Islam menunaikannya. Ini menunjukkan bahawa, menutup aurat tidak boleh dikategorikan sebagai pelengkap (*tahsiniyyat*), kerana kewujudannya sangat terawat untuk

kemaslahatan manusia. Sekurang-kurangnya faedah ini termasuk dalam kategori *hajiyyat* atau *dharuriyyat*. Namun, jika mengikut kumpulan di atas, tidak bermakna sesuatu yang termasuk *tahsiniyyat* dianggap tidak penting, kerana golongan ini akan menguatkan golongan *hajiyyat* dan *dharuriyyat*.

#### **b) Memelihara Jiwa (*Hifzu al-Nafs*)**

Memelihara jiwa mengikut tahap kepentingannya boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu:

- 1) Memelihara jiwa dalam darjat *dharuriyyat* seperti memenuhi keperluan asas dalam bentuk makanan bagi mengekalkan kelangsungan hidup. Sekiranya keperluan asas ini diabaikan, ia akan mengakibatkan ancaman terhadap jiwa manusia.
- 2) Menjaga jiwa dalam darjat *hajiyyat* seperti dibenarkan memburu binatang untuk menikmati makanan yang lazat dan halal. Sekiranya aktiviti ini diabaikan, ia tidak akan mengancam kewujudan manusia, tetapi hanya menyukarkan kehidupannya.
- 3) Menjaga jiwa pada peringkat *tahsiniyyat* seperti melaksanakan tatacara makan dan minum. Kegiatan ini hanya berkaitan dengan kesopanan dan etika, sama sekali tidak akan mengancam kewujudan jiwa manusia, atau menyukarkan kehidupan seseorang.

#### **c) Memelihara Akal (*Hifzu al-'Aql*)**

Mengekalkan akal dari segi kepentingan, boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu:

- 1) Menjaga akal dalam tahap *dharuriyyat* seperti meminum arak adalah haram. Jika ketentuan ini tidak diendahkan, ia akan mengakibatkan ancaman terhadap akal manusia.
- 2) Menjaga akal dalam peringkat *hajiyyat* sebagaimana yang dianjurkan untuk menuntut ilmu. Jika ini tidak dilakukan, ia tidak akan merosakkan minda, tetapi akan menyusahkan seseorang itu sendiri, berhubung dengan perkembangan sains.
- 3) Menjaga akal pada peringkat *tahsiniyyat* seperti tidak membayangkan atau mendengar sesuatu yang tidak bermanfaat. Ini berkait rapat dengan etika, tidak akan langsung mengancam kewujudan akal.

**d) Menjaga Keturunan (*Hifzu al-Nasl*)**

Menjaga zuriat dari segi tahap keperluan boleh dibahagikan kepada tiga tahap iaitu:

- 1) Menjaga zuriat di peringkat *dharuriyyat* seperti berkahwin dan dilarang untuk berzina. Jika aktiviti ini diabaikan, kewujudan zuriat akan terancam.
- 2) Menjaga zuriat pada peringkat *hajiyyat* seperti penetapan mahar bagi suami semasa akad nikah dan memberinya hak talak. Jika mahar tidak dinyatakan pada masa akad, maka suami akan mengalami kesukaran, kerana dia perlu membayar mahar *mitsl*. Sedangkan dalam hal talak, suami akan mengalami kesulitan jika tidak menggunakan hak talaknya, walaupun keadaan rumah tangganya bermasalah.
- 3) Memelihara zuriat di peringkat *tahsiniyyat* seperti disyariatkan *khitbah* atau *walimah* dalam perkahwinan. Ini dilakukan bagi menyempurnakan aktiviti

perkahwinan. Jika perkara ini diabaikan, ia tidak akan mengancam kewujudan zuriat dan tidak menyusahkan orang yang melakukan perkahwinan.

#### e) Menjaga Harta (*Hifzu al-Mal*)

Menjaga harta dari segi kepentingannya boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu:

- 1) Menjaga harta dalam darjat *dharuriyyat* seperti syariat mengenai tatacara memiliki harta dan larangan mengambil harta orang lain secara haram. Sekiranya peraturan tersebut dilanggar, ia akan mengakibatkan ancaman terhadap aset seseorang.
- 2) Menjaga harta di peringkat *hajiyyat* seperti syariat mengenai jual beli dengan memberi salam. Jika kaedah ini tidak digunakan, ia tidak akan mengancam kewujudan aset, malah menyusahkan orang yang memerlukan modal.
- 3) Memelihara harta di peringkat *tahsiniyyat* seperti menghindari penipuan. Ini berkait rapat dengan etika *mu'amalah* atau etika perniagaan. Ini juga akan menjejaskan kesahihan jual beli, kerana peringkat ketiga ini juga merupakan syarat untuk peringkat kedua dan pertama.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas menunjukkan, terdapat perkara atau aktiviti yang menjadi pelengkap kepada pelaksanaan objektif syariat Islam. Dalam peringkat *dharuriyyat* misalnya, had minimum minuman yang memabukkan ditentukan untuk memelihara akal, atau neraca ditetapkan dalam hukum *qisas* iaitu untuk menjaga jiwa. Dalam peringkat *hajiyyat* misalnya pula, *khiyar* ditentukan dalam jual beli untuk memelihara harta, atau *kafa'at* ditentukan dalam perkahwinan untuk memelihara

keturunan. Manakala dalam peringkat *tahsiniyyat*, tatacara *taharah* ditentukan dalam konteks menunaikan solat untuk menjaga agama.

### 3.3 Konsep Zakat Perniagaan Dan Pensiariatannya

Zakat merupakan rukun Islam yang keempat. Ia telah diperintahkan ketika nabi Muhammad SAW berada di Madinah pada tahun kedua hijriah setelah kewajipan berpuasa dan zakat fitrah diturunkan. Terdapat 30 ayat di dalam Al-Quran yang telah disebut oleh Allah SWT berkaitan zakat (lapan darinya disebutkan dalam surah *makkiyah* dan selebihnya dalam surah *madaniyah*) (Shiddieqy, 1975) dan zakat disebut bersama-sama dengan perintah solat sebanyak 27 kali (al-Qaradhawi, 1996). Antaranya ialah firman Allah SWT dalam Surah al-Muzzammil:

﴿وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَقْرِضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا ۗ﴾

Maka bacalah apa yang mudah (bagimu) dari Al Quran dan dirikanlah sembahyang, tunaikanlah zakat dan berikanlah pinjaman kepada Allah pinjaman yang baik. ( Surah al-Muzammil (73): 20.)

Zakat di dalam al-Quran disebut sebagai kata sedekah (yang diwajibkan) untuk menggambarkan ibadah yang benar dan ketaatan seseorang yang mengeluarkan zakat kepada Allah SWT. Sebagai seorang Muslim, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk mengeluarkan zakat dengan perasaan sukarela, ikhlas dengan penuh khusyuk bagi mencari keredhaan Allah SWT.

Terdapat pelbagai bentuk perniagaan, perusahaan dan perdagangan sama ada dalam skala kecil atau besar atau dalam bentuk “*multinational enterprise*” yang

kesemuanya melibatkan harta yang bernilai jutaan ringgit yang secara umumnya tertumpu kepada penjualan atau pembuatan barangan dan dalam bentuk perkhidmatan dan kesemuanya itu wajib dikenakan zakat (Armiadi, 2008). Sehubungan dengan itu, bahagian ini akan menerangkan berkenaan zakat perniagaan, konsep, teori pelaksanaan zakat perniagaan, dan beberapa pandangan *ulama'* berkaitan zakat perniagaan. Bahagian ini juga akan menjelaskan syarat-syarat yang mewajibkan zakat perniagaan, hukum melaksanakan zakat perniagaan merangkumi hukum mengeluarkan, mengumpulkan dan menguruskannya, serta hukum berkaitan kaedah agihan zakat juga akan dibincangkan dalam bahagian ini.

### 3.3.1 Definisi Zakat Perniagaan

Zakat menurut bahasa bermaksud *nama'* iaitu kesuburan, *taharah* (kesucian), *barakah* (keberkatan) dan juga bermaksud *tazkiyah tathir* (menyucikan) (Shiddieqy, 1997). Antara sebab dinamakan zakat adalah kerana ia dapat mengembangkan harta yang telah dikeluarkan zakat dan menjauhkannya dari segala kerosakan sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibnu Taimiyah, sehinggakan diri dan harta orang yang mengeluarkan zakat menjadi suci dan bersih serta hartanya berkembang secara *maknawi*.

Menurut syarak (terminologi/istilah), para ahli *fiqh* memberikan batasan yang berbeza mengenai zakat, antaranya: “Sebahagian harta tertentu yang telah diwajibkan oleh Allah SWT untuk diberikan kepada orang yang berhak menerimanya sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Al-Qur’an” (Shiddieqy, 1997). “Nama bagi sejumlah harta tertentu yang mesti digunakan untuk kumpulan manusia tertentu” (Syirbini, 1940). “Memberi hak milik harta kepada orang fakir yang Muslim, bukan keturunan Hasyim

dan bukan hamba sahaya yang telah dimerdekakan oleh keturunan Hasyim, dengan syarat manfaat harta yang telah diberikan itu dari pihak semula, dari semua aspek semata-mata kerana Allah” (asy-Sya’lan, 1402H). “Mengeluarkan sebahagian harta tertentu yang mencapai satu nisab, bagi orang yang berhak menerimanya apabila sempurna pemiliknya dan sempurna satu tahun untuk harta selain daripada hasil tambang dan selain hasil tanaman” (asy-Sya’lan, 1402H: 34- 35).

Walaupun terdapat perbezaan dalam memberikan pengertian zakat dalam kalangan *ulama*’, namun jika dilihat secara mendalam, kesemuanya masih mempunyai unsur-unsur yang diperlukan dalam zakat. Elemen-elemen tersebut adalah seperti harta yang dikutip, sumber harta, dan golongan yang berhak menerima zakat. Ketiga-tiganya menjadi unsur dalam membentuk definisi zakat. Hal ini menjelaskan walaupun terdapat pelbagai definisi zakat, ia saling menyempurnakan antara satu sama lain.

Sayyid Sabiq mendefinisikan zakat sebagai peruntukan hak Allah SWT yang dikeluarkan oleh seseorang kepada fakir miskin. Ini kerana, dengan mengeluarkan zakat ia mengandungi harapan untuk memperoleh keberkatan, membersihkan jiwa daripada kekikiran bagi orang kaya atau menghilangkan rasa dengki orang miskin dan mengisinya dengan pelbagai kebajikan (Sabiq t.t: 2). Al-Mawardi juga mendefinisikan zakat sebagai sedekah, dan sebaliknya sedekah adalah sama dengan zakat (al-Mawardi (t.t: 113). Pandangan ini berdasarkan ayat-ayat yang digunakan di dalam Al-Qur'an dan Hadis yang umumnya menggunakan perkataan sedekah, sedangkan yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah zakat.

Dapat disimpulkan bahawa zakat ialah pemindahan sebahagian harta daripada seorang Muslim kepada Muslim yang lain yang diamanahkan untuk mengurus dan

mengawalnya daripada orang-orang fakir. Oleh itu, zakat menurut syarak ialah pemberian sebahagian daripada harta yang telah mencapai nisab kepada pihak yang telah ditetapkan oleh syarak dengan kadar yang telah ditetapkan.

Seterusnya yang dimaksudkan dengan zakat perniagaan ialah zakat yang wajib dikeluarkan dari aset perniagaan sama ada berdasarkan hasil pembuatan, perlombongan, perikanan, perkhidmatan dan sebagainya dengan tujuan berniaga, jual beli atau pajakan yang dilakukan secara individu, perkongsian atau koperasi atau saham sesama Islam atau bukan Islam (Tarimin, 2005). Manakala menurut *fuqaha*, yang dimaksudkan dengan zakat perniagaan ialah barang yang digunakan bagi tujuan berniaga dalam segala jenis seperti peralatan, pakaian, perhiasan, batu permata, binatang, tumbuh-tumbuhan, emas, perak dan sebagainya (Ahmad, 2002: 83).

Zakat mal atau zakat harta telah diwajibkan oleh Allah SWT bermula pada awal permulaan Islam iaitu sebelum Nabi SAW berhijrah ke Madinah. Kewajipan zakat pada masa itu tidak ditentukan jumlah dan jenis harta di mana penerima zakat pada ketika itu adalah terdiri daripada fakir dan miskin sahaja. Pada tahun kedua hijrah bersamaan dengan tahun 623 Masihi, Nabi SAW mengumumkan di hadapan para sahabat tentang kewajipan mengeluarkan zakat *nafs (fitri)* atau zakat fitrah (Hassan, 1986). Pada tahun 623 Masihi juga setelah pengumuman zakat fitrah, Nabi SAW mengumumkan ketentuan syarak harta-harta yang dizakatkan dan jumlahnya masing-masing di mana pembahagiannya pada masa itu dikhaskan kepada fakir dan miskin sahaja. Kemudian pada tahun kesembilan hijrah, turunnya ayat 60 dalam surah at-Taubah tentang penentuan asnaf-asnaf yang berhak menerima zakat.

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ

وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ ۚ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿ۙ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil zakat, yang dilembutkan hatinya (muallaf), untuk (memerdekakan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana” (QS. al-Taubah [9]: 60).

Berdasarkan kepada pendapat yang masyhur dalam sejarah syariat Islam, zakat mula diwajibkan pada tahun kedua Hijrah (Zakaria, 2002: 2), yang bermula dengan zakat fitrah dan kemudian diikuti dengan zakat harta. Kewajipan zakat adalah *thabit* melalui Al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak *ulama*’. Firman Allah SWT: “Dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat dan *ruku’lah* beserta orang-orang yang ruku” (QS. al-Baqarah [2]: 43). Di dalam surah al-Taubah, ayat : 103 pula, Allah berfirman: “Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doamu (menjadi) ketenangan jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Terdapat dalil lain yang menunjukkan kewajipan ke atas umat Islam. Hal tersebut juga dikuatkan dan dijelaskan oleh al-Sunnah. Antaranya, sabda Rasulullah SAW:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: بُنِيَ الْإِسْلَامُ

عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةٌ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامُ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ،

وَالْحَجُّ، وَصَوْمُ رَمَضَانَ. (متفق عليه)

Maksudnya: “Dari ‘Abdullah ibn ‘Umar, katanya Rasulullah SAW telah bersabda: “Islam itu dibina (dan ditegakkan) di atas lima dasar (lima rukun), yaitu: Bersaksi bahwa tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan bahwa sesungguhnya Nabi Muhammad adalah pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, mengerjakan haji dan berpuasa Ramadhan”.

(HR. Bukhari dan Muslim)

Di samping itu, Rasulullah SAW bersabda kepada Mu’az yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا بَعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ وَالْيَا قَالَ: إِنَّكَ تَأْتِي قَوْمًا مِنْ

أَهْلِ كِتَابٍ، فَادْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّي رَسُولُ اللَّهِ، فَإِذَا هُمْ أَطَاعُوا

لِذَلِكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي يَوْمٍ وَوَيْلَةٍ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا

لِذَلِكَ، فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ أَعْيُنِيهِمْ فَتُرَدُّ فِي

فُقَرَائِهِمْ. (رواه البخاري)

Maksudnya: “Nabi SAW mengutus Mu’az ke Negeri Yaman seraya berpesan: Seru mereka kepada menyaksikan bahwasanya ‘Tiada Tuhan melainkan Allah’, dan bahwasanya aku ini adalah Rasul Allah, dan jika mereka menaatimu, maka maklumkanlah kepada mereka, bahwasanya Allah telah mewajibkan ke atas mereka lima shalat pada tiap siang dan malam, dan jika mereka menaatimu, maka maklumkanlah kepada mereka, bahwasanya Allah telah mewajibkan ke atas mereka sedekah (zakat) pada harta kekayaan mereka diambil dari orang kaya di antara mereka dan diberikan kepada para fakir di antara mereka.

(H.R. Bukhari)

Begitu juga para *ulama*’ bersepakat menerusi *ijmak* mengatakan bahawa zakat adalah wajib. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa zakat telah disyariatkan bermula tahun kedua hijrah. Melaksanakan ibadah zakat merupakan rukun Islam yang ketiga, dan tuntutananya sama seperti kewajipan menunaikan solat (Baharun, 1426). Ini memberi pengertian dan menunjukkan kepada kesempurnaan hubungan antara kedua-dua ibadah dari segi keutamaan dan kepentingannya. Yang pertama (zakat) adalah sebaik-baik ibadah *maliyah* dan yang kedua (solat) adalah sebaik-baik ibadah *badaniyah*. Oleh sebab itulah para jumah menetapkan, bahawa mengingkari hukum zakat, (mengingkari kewajipannya) dihukum kufur, keluar dari agama Islam (Shiddieqy, 1975) dan individu tersebut diminta bertaubat, jika tidak mahu, maka boleh diperangi ( Kurnia, 2008: 17).

Sekiranya individu itu baru memeluk Islam kerana kejahilannya tentang syariat, dia wajib memaklumkan atau melantik seseorang untuk mengajarnya ilmu agama sehingga dia memahami kewajipan zakat dan menunaikannya. Adapun orang yang tidak menunaikannya, tetapi masih mengakui kewajibannya, maka orang yang bersangkutan dianggap berdosa dan telah melakukan maksiat (Kurnia, 2008). Firman Allah SWT: *"Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya kebanyakan orang-orang Yahudi dan rahib Nasrani yang soleh itu memakan harta manusia dengan jalan yang batil, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah. Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menafkahkannya pada jalan Allah, maka katakanlah kepada mereka, (bahwa mereka akan mendapat) seksa yang pedih, pada hari dipanaskan emas dan perak itu di dalam neraka Jahannam, kemudian kening mereka dan perut dibakar dengannya punggung mereka (kemudian dikatakan) kepada mereka): "Inilah yang kamu simpan untuk dirimu sendiri, kerana itu rasakanlah (azab) apa yang kamu simpan itu"* (Surah al-Taubah [9] ]: 34-35). Ayat di atas memberi gambaran bahawa azab Allah SWT itu sangat pedih bagi orang yang mengingkari ibadah zakat. Bagi golongan ini, pihak kerajaan atau pihak yang berkaitan wajib mengambil zakat harta mereka secara paksa dan mengenakan hukuman pengajaran kepadanya.

Menurut Tarimin (2005:55), terdapat tiga sikap pengingkaran terhadap golongan yang mengingkari kewajipan zakat iaitu:

1. Kurang pengetahuan dalam keadaan tertentu: Penafian dalam bentuk ini dibenarkan. Individu yang tergolong dalam golongan ini perlu didakwah dan diberi penerangan mengenai zakat.

2. Menolak atau menafikan dengan kekerasan: Penafian dalam bentuk ini termasuk dalam kategori murtad. Individu ini akan mendapat azab di dunia dan akhirat.
3. Bakhil: Orang yang berkelakuan bakhil dikira berdosa. Individu yang termasuk dalam kumpulan ini perlu dikenakan penguatkuasaan undang-undang.

Oleh itu, jika sekumpulan orang yang berkuasa tidak mahu membayarnya, tetapi mengakui kewajipan mereka, maka kerajaan berhak memerangi mereka sehingga mereka mahu menunaikannya.

### 3.3.2 Konsep Zakat Perniagaan

Antara sumber zakat harta adalah zakat perniagaan. Perniagaan sangat digalakkan oleh Islam. Allah SWT telah menghalalkan kegiatan berkenaan dengan jual beli tetapi dengan tegas Allah SWT mengharamkan riba. Begitu juga dengan hadis-hadis Nabi SAW yang menggalakkan keterlibatan umat dengan aktiviti perniagaan.

Zakat perniagaan merupakan zakat yang wajib dikeluarkan dari hasil harta perniagaan sama ada berasaskan perbuatan, pertambangan, perikanan, perkapalan, pertanian, perkhidmatan atau sebagainya dengan tujuan diperniagakan, sama ada dalam bentuk perniagaan persendirian, perniagaan perkongsian sesama Islam ataupun dengan bukan Islam, perniagaan semua jenis syarikat, koperasi atau perniagaan saham dan sebagainya. Allah SWT menjelaskan bahawa segala hasil usaha yang baik itu wajib dikeluarkan zakat (Shiddieqy, 1997: 85; Tarimin, 2005: 51).

Para pakar *fiqh* menyebut harta perniagaan dengan sebutan “*Urudh al-Tijarah*”. Menurut definisi secara terperinci, harta perniagaan adalah segala sesuatu yang dipersiapkan untuk dijual bagi mendapatkan keuntungan. Dalam konteks harta

perniagaan ini, ia mesti memenuhi dua unsur, iaitu niat dan usaha. Usaha dalam konteks ini bermaksud jual beli itu sendiri, sementara niat adalah tujuan penjual untuk mendapatkan keuntungan (Masyhur, 2002: 71). Oleh itu, dalam konteks harta perniagaan ini tidak cukup dengan hanya satu unsur sahaja tanpa ada yang lain. Definisi ini menganggap sukar terhadap istilah “*Urudh al-Qinniyah*” (harta simpanan) yang pada asasnya adalah harta simpanan kemudian digunakan secara peribadi (Masyhur, 2002: 71). Para *ulama*’ dari kalangan sahabat dan *tabi’in* dan *ulama*’ berpandangan atas kewajipan zakat dalam bagi harta perniagaan dengan cara berbeza sesuai dengan perjalanan masa dan negara. Ini selari dengan firman Allah SWT iaitu: “Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu menafkahkan daripadanya, padahal kamu sendiri tidak mau mengambilnya melainkan dengan memicingkan mata terhadapnya. Dan ketahuilah, bahwa Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji” (QS. al-Baqarah [2]: 267).

Berdasarkan kepada ayat di atas, Allah SWT memerintahkan kepada para pedagang untuk mengeluarkan zakat hasil usaha yang baik-baik, dan Allah melarang harta yang buruk untuk dikeluarkan zakat. Ini menunjukkan bahawa Allah sukakan harta yang baik-baik untuk dibelanjakan pada jalan yang benar.

Selain itu, Imam Tabrani menafsirkan ayat tersebut dengan zakat usaha (perdagangan). Demikian pula pandangan Hasan dan Mujahid, Imam Zarkasyi dalam kitab *Ahkam Al-Qur’an*, bahawa yang di maksud dengan perkataan: “*sebagian daripada hasil usahamu yang baik-baik*”, adalah “*hasil perniagaan*”. Imam Abu Bakar ‘Arabi juga bersetuju dengan pandangan di atas (Hasan, 2006: 27-28).

Berdasarkan kepada perbincangan diatas, umat Islam perlulah mengeluarkan zakat perniagaan kerana hasilnya merupakan kekayaan yang kita miliki. Oleh itu, umat Islam perlulah menunaikan kewajiban zakat perniagaan kerana setiap peniaga tidak akan terlepas daripada kewajiban membayar zakat dan tidak ada ruang untuk menghindari dari menunaikannya.

### 3.3.3 Syarat-Syarat Wajib Zakat Perniagaan

Secara ringkasnya terdapat lima syarat wajib zakat perniagaan yang utama. Syarat-syarat tersebut perlu diteliti dalam mengeluarkan zakat harta perniagaan (Wafa, 2002: 3).

a) Islam

Pengeluaran zakat perniagaan hanya diwajibkan ke atas orang-orang Islam yang merdeka sahaja. Ini bermakna dalam perniagaan yang mempunyai pemilikan orang Islam dan orang bukan Islam, zakat tersebut hanya dikenakan ke atas pemilikan orang Islam sahaja.

b) Harta Perniagaan dengan Hak Milik Sendiri

Hak milik terhadap sesuatu harta itu mestilah sempurna ke atas orang-orang yang memilikinya. Sempurna milik disini bermaksud memiliki zat sesuatu benda bersama dengan manfaatnya. Ciri-ciri hak milik sendiri adalah (1) milik yang bersifat mutlak yang tidak terbatas kepada waktu dan (2) diberi kuasa dan kebebasan mengguna, menanam modal, menjual, *menghibah*, mewakaf,

memaju atau melabur, dan mengurus harta yang dimiliki sesuka hatinya. Perkara-perkara yang menyebabkan kepada sempurna milik adalah seperti (a) penguasaan ke atas barang yang harus, (b) kontrak yang berpindah milik, (c) penggantian, dan (d) lahir daripada barang atau binatang yang dimiliki. Adapun pemilikan yang tidak sempurna adalah memiliki zat harta sahaja seperti memiliki rumah tetapi disewakan ataupun memiliki manfaat atau hak menerima manfaat saja (seperti pinjam barangan, sewaan, wakaf, wasiat manfaat saja, kebenaran (*ibahah*) mengguna saja). Imam Maliki, Hanbali dan Syafi'i mempunyai pandangan sama akan syarat harta milik sempurna iaitu milik tangan (*al-Hiyazah*) dan milik pengurusan (*al-Tasarruf*) sedangkan Hanafi meletakkan syarat pemilik asal (*asl al-Milk*) dan milik tangan. Dapat dirumuskan bahawa harta perniagaan yang dikenakan zakat mestilah mempunyai kesempurnaan dari segi pemilikan dan kekeluasan dalam mengatur.

c) Niat Menjalankan Perniagaan

Apabila seseorang mempunyai niat untuk menggunakan sesuatu aset bagi tujuan perniagaan, maka zakat yang akan dikenakan bolehlah berdasarkan zakat perniagaan. Tujuan atau niat perniagaan mestilah dilakukan ketika tukaran atau dalam masa kontrak yang mana aset tersebut akan menjadi sebahagian daripada aset yang dipunyai oleh perniagaan dengan tujuan diperniagakan untuk mendapatkan perolehan atau keuntungan. Sesuatu aset atau barang yang pembeliannya tidak bertujuan perniagaan seperti untuk tabung *khairat kematian*, tujuan pendidikan dan sebagainya, *haul* harta tersebut terputus dan tidak termasuk dalam pengiraan zakat, aset tetap yang digunakan untuk

perniagaan tidak dikenakan zakat. Aset tetap yang mengeluarkan hasil (*al-Mustaghallat*) juga tidak dikenakan zakat tetapi hasil dari aset tetap seperti sewaan ke atasnya tetap tertakluk kepada taksiran zakat. Jika harta tetap itu dijual, maka hasil tunainya tertakluk kepada taksiran zakat. Bagi aset perniagaan yang ditukar kepada aset tetap atau aset bukan semasa, ia tidak lagi dikira sebagai harta semasa perniagaan, maka ia tidak dikenakan zakat.

d) Cukup *Haul* (12 Bulan *Qamariah*)

Cukup setahun mengikut perkiraan bulan Islam *Qamariah* iaitu 354 hari atau cukup *haul*. *Haul* genap ke atas nilai harta yang dikira dari awal perniagaan sehingga genap tempoh satu tahun perniagaan. Tempoh *haul* lini dikira dari tarikh permulaan perniagaan. Bagi modal tambahan atau apa-apa sumber tambahan dalam tahun perniagaan, *haul* dikira berasaskan tarikh awal perniagaan. Bagi asas penilaian harta perniagaan, pendapat Imam Syafi'i adalah dengan menghitung keadaan perniagaan pada akhir *haul*. Maka taksiran zakat perniagaan adalah berdasarkan kepada kedudukan aset, liabiliti dan modal perniagaan pada akhir *haul*.

e) Cukup Nisab

Genap nisab adalah mengikut nilai semasa emas sebanyak 20 *miskal* (85 gram). Nisab yang dikira adalah lebihan dari keperluan dasar asas iaitu nilai bersih antara hutang dan keperluan dasar pemilik. Namun demikian, menurut pendapat Imam Syafi'i, tidak ada syarat hutang dalam menentukan apakah harta tersebut layak nisab ataupun tidak. Menurut pendapat Syafi'i, hutang jenis kewangan tidak menghalang kewajipan zakat kerana hutang kewangan atas wang adalah

sempurna milik. Pada pendapat *al-asah*, hutang tidak menghalang wajibnya zakat sebab zakat bergantung pada diri harta sedang hutang bergantung pada tanggungjawab. Orang yang berhutang wajib membayar zakat harta wang yang dipinjamnya apabila cukup haul dalam keadaan wang hutang itu di bawah miliknya. Ini disebabkan oleh pemilikan wang melalui pinjaman adalah dikira pemilikan sempurna.

### 3.3.4 Syarat Sah Zakat Perniagaan

#### a) Harta yang Halal

Syarat sah zakat perniagaan adalah harta tersebut mestilah halal. Harta dari sumber yang haram, sama ada dari segi zatnya seperti arak dan khinzir ataupun perniagaan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang haram seperti perjudian adalah tidak perlu kepada zakat. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa jenis organisasi di Malaysia seperti Bursa Saham, Syarikat Briker Sekuriti, Syarikat Pajakan dan institusi-institusi kewangan konvensional menjalankan pengurusan secara bercampur aduk antara isu halal dan haram atau pun bersumberkan riba. Sebagai contoh, bagi institusi kewangan, aktiviti perbankan adalah perlu tetapi mestilah sesuai dengan prinsip syariah. Oleh itu, perlu ada pemilik perniagaan yang mematuhi hukum syarak dalam perbankan. Pada prinsipnya, institusi kewangan akan dikenakan zakat tertakluk kepada pelarasan seperti kehadiran sumber hasil yang tidak suci. Koperasi yang masih menjalankan aktiviti kredit secara konvensional juga adalah tertakluk kepada taksiran zakat perniagaan dengan pelarasan yang sewajarnya.

b) Harta yang Berkembang

Aset yang layak dikenakan zakat mestilah harta yang berkembang atau berpotensi untuk berkembang, di mana ia perlulah berupaya untuk menghasilkan pendapatan dan keuntungan.

c) Sempurna Milik

Harta yang wajib dizakatkan juga hendaklah dimiliki sepenuhnya oleh harta tersebut dari sudut fizikal dan pemiliknya mempunyai kebolehan untuk menjaga pentadbiran harta seperti menjual, membayar, menyewa dan seumpamanya bagi barangan tersebut..

d) Sumber Harta Perniagaan

Menurut Yusuf al-Qaradawi (2001), harta yang diperoleh daripada aktiviti jual beli mengandungi dua unsur iaitu tindakan dan niat. Tindakan adalah perbuatan membeli dan menjual, sedangkan niat adalah untuk memperoleh keuntungan tersebut. Kedua-dua elemen ini perlu ada, tidak cukup hanya niat sahaja akan tetapi perlu bersama dengan tindakan.

e) Harta Perniagaan Tidak Digunakan untuk Kegunaan Sendiri

Pandangan mazhab Shafi'i, Hambali dan Maliki menjelaskan jika harta komersial dimiliki untuk kegunaan sendiri, maka keadaan ini akan menyebabkan harta tersebut tidak dikenakan zakat perniagaan tetapi akan dibuat taksiran zakat atas pendapatan individu.

### 3.3.5 Kadar Zakat Perniagaan dan Cara Pengiraannya

Setiap umat Islam yang menjalankan aktiviti perniagaan sama ada secara persendirian atau perkongsian yang menjalankan usaha-usaha pertambangan, pembalakan, perkilangan, pertukangan, pemborongan, pengangkutan, perumahan dan lain-lain adalah termasuk dalam perniagaan yang wajib dikeluarkan zakatnya jika mencukupi syarat-syarat cukup nisab dan *haulnya* (354 hari bulan *Qamariah*) (Hassan, 1986: 5). Kaedah pengiraan zakat perniagaan adalah berdasarkan jumlah zakat emas dan perak iaitu 2.5% ( $1/40 \times$  harta kekayaan) daripada pendapatan bersih (Tarimin, 2005: 54).

Bagi syarikat atau perusahaan secara perkongsian (*syirkah* jika semua orang yang memberi *syirkah* beragama Islam, maka zakat dikeluarkan terlebih dahulu sebelum dibagikan kepada pihak-pihak yang berkongsi. Tetapi sekiranya orang yang terlibat dalam perkongsian terdapat adalah bukan Islam, zakat hanya dikeluarkan oleh orang Islam sekiranya jumlahnya telah melebihi nisab (Purwanto, 2009: 33).

### 3.4 Hubungan *Maqasid Syariah* dengan Zakat Perniagaan

Zakat merupakan sebahagian daripada harta dan pemilik harta perlulah menyerahkan sebahagian hartanya kepada mereka yang berhak menerimanya dengan syarat-syarat yang tertentu. Terdapat banyak dalil dari Al-Quran dan hadis Nabi SAW yang menunjukkan kewajipan membayar zakat. Antaranya ialah dalam Surah al-Baqarah ayat 43, 267 dan Surah al-Taubah ayat 103. Firman Allah SWT:

﴿وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ﴾

Terjemahan: Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkan lah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.

(Al-Baqarah 2: 43)

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا

تِيْمَمُوا الْحَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ ۗ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ

حَمِيدٌ﴾

Terjemahan: “Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu menafkahkan daripadanya, padahal kamu sendiri tidak mau mengambilnya melainkan dengan memicingkan mata terhadapnya. Dan ketahuilah, bahwa Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji”.

(Al Baqarah 2:267)

﴿حُذِّ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ﴾

﴿وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ﴾

Terjemahan: “Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.

(At-Taubah 9: 103)

Pelaksanaan zakat adalah kewajipan yang tidak hanya berkaitan dengan amal *mahdhah*, bahkan ia merupakan amal sosial yang berkaitan dengan masyarakat, sehingga dalam hal ini terdapat dua kewajipan, iaitu kepada Allah SWT dan sesama manusia. Ini menunjukkan bahawa, zakat bukanlah tujuan, tetapi zakat adalah sarana untuk mencapai sesuatu tujuan, iaitu mewujudkan keadilan sosial dalam konteks pembasmian kemiskinan.

Dari perspektif *Maqasid al-Syariah*, aspek perundangan khususnya dalam bidang *mu'amalah* telah dikembangkan oleh para *ulama'* termasuk al-Syatibi yang berusaha untuk mengembangkan prinsip yang terkandung dalam dua sumber ajaran Islam iaitu Al-Qur'an dan hadis dengan mengaitkannya dengan *Maqasid al-Syariah*. Dengan pendekatan *Maqasid al-Syariah* ini, kajian yang dijalankan lebih tertumpu dengan melihat kepada nilai-nilai yang berbentuk kemaslahatan manusia dalam setiap taklif yang diturunkan oleh Allah SWT.

Menurut al-Syatibi, sesuatu pensyariatian itu bertujuan untuk mewujudkan kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat. Berdasarkan kepada kenyataan al-Syatibi, kandungan *Maqasid al-Syariah* atau tujuan hukum adalah demi menjaga kemaslahatan manusia. Pandangan Al-Syatibi ini bermula daripada fahaman bahawa suatu kewajipan (*taklif*) diwujudkan untuk merealisasikan kemaslahatan hamba; dan tidak ada satu pun hukum Allah SWT yang tiada tujuan kerana semuanya ada tujuan, sehinggalah jika sesuatu hukum itu tiada tujuan, ia sama dengan mengenakan sesuatu yang tidak dapat dilaksanakan (*taklif ma la yutaq*).

Oleh itu, jelaslah bahawa undang-undang ini bukan dibuat hanya untuk undang-undang itu sendiri, tetapi dibuat untuk tujuan lain, iaitu menjaga kebajikan manusia. Dalam hal ini, Muhammad Abu Zahrah menegaskan bahawa pada asasnya matlamat syariat Islam ialah kebajikan; tiada satupun hukum yang disyariatkan oleh Allah SWT sama ada yang terkandung di dalam Al-Quran mahupun as-Sunnah melainkan ada faedahnya.

Lebih daripada itu, melalui analisis *Maqasid al-Syariah*, *masalahah* bukan sahaja dilihat dari sudut teknikal, tetapi dalam dinamik dan perkembangan undang-undang, undang-undang yang disyariatkan oleh Allah SWT kepada manusia juga boleh dilihat sebagai sesuatu yang mengandungi nilai falsafah.

Penekanan terhadap *Maqasid al-Syariah* oleh al-Syatibi misalnya, umumnya bermula daripada kandungan ayat-ayat Al-Quran yang menunjukkan bahawa syariat Allah SWT mengandungi kebaikan. Ayat-ayat ini antara lain berkaitan dengan pengutusan Rasul, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' [4] ayat 165, surah al-Anbiya' [21] ayat 107, surah al-Dzariyat [51]. ] ayat 56, dan surah al- -Muluk

[67] ayat yang berkaitan dengan masalah hukum, terdapat banyak ayat dalam Al-Quran yang membicarakan tentangnya, termasuk tentang zakat.

Berdasarkan ayat di atas, al-Syatibi menyatakan bahawa *Maqasid al-Syariah* dalam pengertian kemaslahatan terdapat dalam semua aspek hukum. Ini bermakna *Maqasid al-Syariah* boleh digunakan sebagai analisis terhadap isu-isu hukum di mana dimensi *masalah* tidak didapati dengan jelas dengan melihat aspek roh syariah dan matlamat umum Islam.

Begitu juga dengan Sunnah, iaitu segala sesuatu yang diperoleh dari Nabi Muhammad SAW berupa perkataan, perbuatan dan *taqir* (ketentuan) baginda; iaitu hal-hal yang tidak dijelaskan dalam Al-Qur'an. Maka As-Sunnah ialah penjelasan (*bayan*) terhadap Al-Qur'an. Hukum-hukum yang diambil daripada Al-Quran pada mulanya dicari penjelasan dalam Sunnah/Hadis.

Oleh itu, kandungan yang terdapat dalam Al-Quran adalah perkara asas dan prinsip yang berkaitan dengan semua aspek kehidupan. Setidaknya hal ini dapat disimpulkan dari semangat syariat dalam ayat-ayat Al-Quran yang saling berkaitan antara satu ayat dengan ayat yang lain. Keterkaitan ini juga dapat dilihat pada hubungan Al-Quran dan As-Sunnah, di mana as-Sunnah adalah penjelasan tentang Al-Quran. Kedua-dua sumber ajaran Islam ini dijadikan sebagai prinsip kepada *maqasid al-shariah*.

### 3.5 Kesimpulan

*Maqasid Syariah* merupakan objektif yang ingin dicapai oleh syarak dalam pensyariatan sesuatu hukum. Secara umumnya *Maqasid Syariah* bertujuan untuk menarik *maslahah* dan menolak *mafsadah* dalam kehidupan manusia. Pensyariatan hukum ke atas zakat perniagaan merangkumi pelbagai objektif bagi memastikan kemaslahatan masyarakat dan mengelakkan dari berlaku *mafsadah* dalam kehidupan seharian. Terdapat pelbagai *maqasid* di sebalik pelaksanaan ibadah zakat perniagaan yang telah diwajibkan ke atas umat Islam. *Maqasid* zakat boleh dilihat dari pelbagai perspektif. Antaranya dalam konteks agama, pembayar zakat, penerima zakat, pembangunan negara, ekonomi dan sosial. Kajian juga mendapati, setiap ayat Al-Quran dan hadis Nabi SAW, kesemuanya membawa maksud melaksanakan *Maqasid Syariah*.